

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

## BORANG KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN BAGI PENGURUSAN FASILITI BANGUNAN MAHKAMAH KUALA LUMPUR BAGI BULAN JUN 2023

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Niat Suci Sdn Bhd (NSSB) adalah kontraktor yang dilantik sebagai Pengurus Fasiliti di kompleks ini mulai 16 November 2020 hingga 15 Januari 2024. Untuk makluman juga, pihak kontraktor NSSB akan memberikan perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan kerosakan di dalam bangunan MKL sepanjang tempoh kontrak seperti di bawah:

MEKANIKAL	SIVIL	ELEKTRIKAL
Penyaman Udara <b>Jenis VRF</b>	Penyelenggaraan Tandas	Sistem Pencahayaan
<i>Chiller</i>	<i>Grease Trap</i>	Sistem Kad Akses
Pemadam Api CO2/ABC	Sistem Perpaipan	<i>Boom Gate</i>
Sistem Pencegah Kebakaran	Siling	Sistem Nombor Giliran (QMS)
Sistem Lif	<i>Built in Furniture</i>	Projektor
Sistem Pam	<i>Sewage Treatment Plant (STP)</i>	Sistem Siaraya

3. Sehubungan itu, dimohon kerjasama YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk **memberikan maklumbalas terhadap kualiti perkhidmatan pengurusan fasiliti di MKL** melalui pautan web <https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSe2L1D971bock5wkUA4qd1wnB1Ym31c08u6GLTUcs74lviF5Q/viewform> bagi tinjauan kepuasan pelanggan.

4. Tempoh pengisian borang kaji selidik ini adalah **mulai 8 Jun 2023 hingga 30 Jun 2023**. Segala kerjasama dan maklumbalas YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**Unit Pembangunan & Senggara  
Bahagian Pengurusan  
b.p. Pengarah  
Mahkamah Kuala Lumpur**